

D760

R B711 DEB
MAHATHIR - DADAH

KOTA KINABALU, 21 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASYARAKAT HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP NEGATIF TERHADAP BEKAS PENAGIH NAJIS DADAH DENGAN MEMBERI KESEMPATAN KEPADA MEREKA UNTUK BERUSAHA MEMULAKAN KEHIDUPAN BARU.

+DENGAN CARA INI, KEGIATAN MEMBANTERAS GEJALA PENAGIHAN NAJIS DADAH SUDAH TENTU AKAN LEBIH BERJAYA,+ KATA BELIAU DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMENA PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-14 PEMADAM KEBANGSAAN YANG DIADAKAN DI SINI PADA HARI SABTU.

BELIAU BERKATA SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT TIDAK BOLEH MENGELAKKAN DIRI DARIPADA TANGGUNGJAWAB ITU KERANA JIKA GEJALA BERKENAAN TERUS BERLELUASA, AKIBAT BURUKNYA AKAN DITANGGUNG OLEH SEMUA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEKAS PENAGIH KEMBALI SEMULA MENGAMBIL NAJIS DADAH KERANA, ANTARA LAIN, MEREKA TIDAK MENDAPAT TEMPAT YANG SEWAJARNYA DALAM MASYARAKAT.

+JUMLAH PENAGIH DADAH SUDAH TENTU AKAN BERKURANGAN SEKIRANYA MEREKA YANG TELAH DIPULIHKAN DITERIMA BALIK KE PANGKUAN MASYARAKAT DAN DIBERI PELUANG UNTUK MENJADI ORANG YANG BERGUNA,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

2106MST 21 06 89
D764

R B713 DEB
MAHATHIR - DADAH 2 KOTA KINABALU

BELIAU BERHARAP PERHIMPUNAN AGUNG PEMADAM ITU AKAN TERUS MENDAPAT KERJASAMA DARIPADA SEMUA PIHAK UNTUK MENINGKATKAN LAGI KEGIATANNYA DALAM MEMERANGI GEJALA NAJIS DADAH.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB YANG JUGA YANG DIPERTUA PEMADAM KEBANGSAAN, DALAM PERUTUSANNYA PULA BERKATA MASYARAKAT HENDAKLAH BERSUNGGUH-SUNGGUH MEMBASMI DAN MENCEGAH GEJALA NAJIS DADAH YANG MERUPAKAN SATU PENYAKIT TERUTAMA KEPADA GOLONGAN BELIA BELASAN TAHUN.

SEMENTARA ITU, KIRA-KIRA 660 ORANG ANGGOTA PERWAKILAN DAN PEMERHATI DARI SELURUH NEGARA DIJANGKA TIBA DI SINI ESOK.

PADA HARI JUMAAT, MEREKA AKAN DIBAWA MELAWAT KE BEBERAPA TEMPAT MENARIK SEPERTI TAMAN KINABALU, PULAU MANUKAN DAN PULAU-PULAU BERDEKATAN, WISMA MUIS DAN MUZIUM.

KETUA MENTERI, DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINGAN AKAN MERASMIKAN PERHIMPUNAN ITU YANG KALI INI, AKAN MENGADAKAN PEMILIHAN JAWATAN TIMBALAN YANG DIPERTUA, NAIB-NAIB YANG DIPERTUA DAN JURUAUDIT. -- BERNAMA.

2113MST 21 06 89